
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

**HIU 225 – PENDIDIKAN NILAI-NILAI MURNI DARI PERSPEKTIF
ISLAM**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA soalan dari bahagian A dan DUA soalan dari bahagian B.

...2/-

Bahagian A

1. [a] Jelaskan istilah-istilah di bawah:

[i] *al-Nafs al-Ammarah* [10 markah]

[ii] *al-Hasd* [10 markah]

[iii] *al-Baghy* [10 markah]

[iv] *al-Jihad* [10 markah]

[b] ولتكن منكم أمة يدعون إلى الخير ويأمرون بالمعروف وينهون عن المنكر

"Dan hendaklah ada antara kamu satu kumpulan yang mengajak melakukan kebaikan, dan menyuruh melakukan segala perkara yang baik dan mencegah segala perkara yang salah" (Ali-'Imran:104)

Berdasarkan ayat al-Qur'an di atas, jawab soalan berikut:

[i] Jelaskan dengan terperinci golongan yang bertanggungjawab melaksanakan *al-amr bi al-makruf* dan *al-nahy 'an al-munkar* [30 markah]

[ii] Sebutkan pembahagian *al-munkar* menurut al-Ghazali [15 markah]

[c] Hubungkan di antara aspek emosi dan aspek rohani [15 markah]

2. [a] Konsep 'penyerahan diri kepada Allah' menjadi asas dalam sistem akhlak Islam. Huraikan. [30 markah]

...3/-

- [b] Huraikan dengan terperinci kaedah-kaedah yang disarankan oleh Islam untuk merawat penyakit *ghadab* dan sebutkan jenis-jenis *ghadab* yang tidak mendatangkan kemudharatan kepada manusia.
[40 markah]
- [c] Jelaskan semua aspek di bawah menurut pandangan al-Ghazali:
- [i] *al-'Aql*
[10 markah]
- [ii] *al-Ruh al-Nabati*
[10 markah]
- [iii] *al-Ruh al-Hayawani*
[10 markah]
3. [a] Huraikan masalah akhlak yang terhasil dari salah SATU aliran pemikiran di bawah dan berikan beberapa cadangan untuk menanganinya berdasarkan perspektif Islam:
- [i] Terrorisme
[30 markah]
- [ii] Sekularisme
[30 markah]
- [iii] Ekstrimisme dalam agama
[30 markah]
- [b] Huraikan konsep keseimbangan antara kerohanian dan kebendaan.
[30 markah]
- [c] Sebutkan EMPAT unsur yang terdapat dalam ibadah sehingga mampu melonjakkan umat Islam kepada keunggulan akhlak.
[40 markah]

...4/-

Bahagian B

4. Maksud firman Allah,

"Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama (Allah); fitrah Allah yang telah menciptakan manusia diatas fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui" (Al-Rum: 30-31)

[a] Huraikan kaitan maksud firman Allah di atas dengan sifat *fitrah* manusia.

[40 markah]

[b] Terangkan punca dan ciri-ciri *al-qalb* yang sihat dan yang berpenyakit.

[20 markah]

[c] Huraikan kaedah merawat penyakit *al-qalb* serta kesan dari kejayaannya terhadap seseorang individu.

[40 markah]

5. Ihsan merupakan puncak pembinaan rohaniah dalam Islam. Dalam konteks perbincangan akhlak dari perspektif Islam:

[a] Terangkan maksud ihsan dari segi bahasa dan istilah.

[20 markah]

[b] Huraikan kaitan ihsan dengan akhlak mulia individu dan masyarakat.

[40 markah]

[c] Nyatakan dua unsur utama akhlak.

[10 markah]

[d] Berikan hujah-hujah yang membuktikan bahawa akhlak manusia itu boleh diubah.

[15 markah]

[e] Terangkan tiga tahap dalam proses *mujahadah al-nafs*.

[15 markah]

...5/-